

NO SOALAN : 93

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**TARIKH : 03.08.17  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa peruntukan perbelanjaan bekalan dan perbelanjaan pembangunan diperuntukkan untuk Kementerian Pertahanan dalam tahun 2015, 2016 dan juga 2017 adalah untuk dibelanjakan di Negeri Sarawak. Apakah peratusan peruntukan tersebut terdiri daripada peruntukan keseluruhan di bawah Kementerian Pertahanan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan Belanja Mengurus (OE) Kementerian Pertahanan berjumlah RM14.14 bilion (tahun 2015), RM13.45 bilion (tahun 2016) dan RM11.6 bilion (tahun 2017). Bagi peruntukan Belanja Pembangunan (DE) pula, Kementerian Pertahanan telah diperuntukan sebanyak RM3.62 bilion (tahun 2015), RM3.68 bilion (tahun 2016) dan RM3.38 bilion (tahun 2017).

Peruntukan yang disediakan ini tidak dikhususkan mengikut negeri tetapi berdasarkan pertimbangan keselamatan negara secara menyeluruh.